

# Larang guru2 berpolitik: Yang terlibat boleh buat bantahan - Mahathir

UM 24 FEB 1975

Kementerian Pendidikan memang sedar banyaknya masalah berbangkit berikutan dengan larangan guru-guru berpolitik, menteri berkenaan Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan.

Sekiranya, guru-guru menganggap arahan tersebut tidak baik bagi masyarakat atau pun tidak baik bagi negara mereka itu bolehlah membuat bantahan kepada kerajaan, katanya.

Berucap di satu majlis dialog di Sekolah Sult'n Abdul Aziz Kuala Selangor kelmarin beliau tidak bula menerangkan

sama ada arahan itu meliputi semua golongan guru-guru.

Seorang guru Osman bin Yusuf memberitahu arahan tersebut "perkeliling" kerajaan bertarikh 3 Oktober 1974 telah menyulitkan guru-guru terutama mereka yang tinggal di luar bandar.

Guru-guru terpaksa bergaul rapat dengan masyarakat dan mengambil tahu hal politik dan berbagai-bagai perkembangan lain di kawasan mereka bertugas katanya.

"Saya sedar larangan tersebut banyak menimbulkan masa-

alah di kalangan guru-guru terutama mereka yang berpendapatan \$150 sebulan" kata Dr. Mahathir.

"Dahulu kita tidak dapat begitu ramai guru-guru yang mendapat gaji begitu tinggi dan mereka itu sudah tentu tidak terlibat dalam peraturan baru," kata beliau.

Menurut Dr. Mahathir lagi, saya sedar perkara ini telah menimbulkan banyak masalah di kalangan guru-guru yang cenderung ke lapangan politik "tetapi saya tidak dapat berkata apa-apa buat masa sekarang.